

**MILO® HIDUP BOLA ALL STAR CHALLENGE 2021**

**TERMA & SYARAT PERTANDINGAN UMUM**

<b>Penganjur</b>	<b>Nestle Products Malaysia Sdn Bhd (45229-H)</b>
<b>Pertandingan</b>	<b>MILO® HIDUP BOLA ALL STAR CHALLENGE 2021</b>
<b>Tempoh Pertandingan</b>	<b>Pertandingan bermula pada 19 Julai 2021 sehingga 1 September 2021</b>
<b>Kelayakan</b>	Pertandingan dibuka kepada penduduk Malaysia dengan MyKad yang sah. Bagi peserta di bawah 18 tahun, persetujuan ibu bapa adalah diperlukan. Borang kebenaran ibu bapa perlu dilampirkan.
<b>Kategori</b>	a. Bawah 16 (7 – 16 tahun) b. Terbuka (17 tahun dan ke atas) <i>*Mengikut tahun kelahiran</i>
<b>Kaedah Penyertaan</b>	<b>Kriteria Penyerahan &amp; Kelayakan</b>  Untuk menyertai Pertandingan ini, peserta perlu menyerahkan penyertaan mereka melalui Instagram sahaja dan diminta untuk melengkapkan langkah-langkah berikut:  <b><u>Langkah 1 : Daftar</u></b> Untuk memasuki Pertandingan, anda mesti mendaftar di RaceXAsia.com. Semua penyertaan adalah percuma, kecuali dinyatakan sebaliknya. Peserta mesti mempunyai akaun media sosial yang tulen dan mesti “Like” halaman media sosial MILO® Malaysia (Facebook & Instagram) sebagai sebahagian daripada proses penyertaan.  <b><u>Langkah 2 : Penyerahan filem dan video</u></b> a. Video Pertandingan mesti dilakukan oleh peserta yang berdaftar sahaja. b. Penyerahan video adalah hanya melalui saluran Instagram MILO®. c. Syarat sah penyerahan adalah apabila penyerahan dilakukan melalui Instagram rasmi MILO® dengan tanda pagar (hashtag) yang sah sahaja. d. Peserta dibenarkan menghantar satu set video gabungan <i>skill</i> atau tiga set video <i>skill</i> individu. e. Pakaian - Peserta digalakkan untuk menjadi kreatif, namun perlu berpakaian sopan yang bersesuaian. Kasut adalah wajib. f. Peserta hanya boleh gunakan saiz bola 5 sahaja. g. Video-video Pertandingan perlu mematuhi syarat-syarat dibawah: a. Tidak menyentuh isu-isu sensitif budaya di dalam video (contoh: tidak berpakaian, sensitiviti agama, perkauman dan kata-kata tidak elok). b. Video Pertandingan boleh dirakam dengan menggunakan telefon bimbit atau alat rakaman video. c. Video boleh dirakam dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. d. Durasi setiap video adalah 1 minit atau 60 saat. Video yang melebihi jangka masa yang diberikan, akan dibatalkan. e. Tubuh penuh Peserta mesti kelihatan semasa melakukan cabaran kemahiran atau <i>skill</i> . f. Semua video yang diserahkan boleh diedit melalui IG Reels atau alat penyuntingan Tiktok, video tersebut boleh di muat naik di IGTV atau IG Reels, namun bagi penyerahan video, Peserta perlu memuat naik video tersebut di IG Feed peribadi dengan menggunakan hashtag #MILOAllStar

	<p>dan tag @milo_malaysia untuk memenuhi syarat sebagai penyertaan yang sah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>g. <i>Zooming</i> di dalam video tidak dibenarkan (melainkan untuk menggabungkan video-video).</li> <li>h. Muzik tidak diperlukan dalam video kerana hak cipta.</li> <li>i. Penggunaan peralatan atau orang lain sebagai halangan untuk menyempurnakan persembahan <i>skill</i> adalah dibenarkan. Sebarang pertolongan alat untuk melakukan <i>skill</i> adalah dilarang sama sekali.</li> <li>j. Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan atau kecelakaan yang dialami oleh peserta Pertandingan semasa rakaman atau penggambaran video Pertandingan.</li> </ul> <p><b><u>Langkah 3: Muatnaik dan Tanda Pagar (Hashtag)</u></b></p> <p>Muat naik video / video-video di halaman Instagram anda beserta tanda pagar dan akaun anda perlu berada dalam <i>mode public</i>.</p> <p>#MILOAllStar #namaanda</p>
<b>Syarat Video</b>	<p>Kriteria dan syarat untuk set video kemahiran adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>a. Menimbang Bola</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan bahagian atas dan bawah badan untuk melakukan <i>skill</i>.</li> <li>ii. Tambahan <i>trick</i> gaya bebas dengan gabungan bahagian atas dan bawah badan adalah satu kelebihan.</li> <li>iii. Orang atau peralatan lain boleh digunakan sebagai halangan untuk menyelesaikan <i>skill</i> tersebut.</li> <li>iv. <i>Skill</i> ini mesti dilengkapkan dengan salah satu daripada langkah penamat di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Hantaran bola</li> <li>2. Merentasi halangan atau orang</li> <li>3. Untuk menjaringkan gol atau mencapai sasaran.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li><b>b. Menggelecek</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan bahagian bawah badan untuk melakukan <i>skill</i>.</li> <li>ii. Kelancaran dalam menggelecek dan mengawal adalah kriteria utama.</li> <li>iii. Tambahan <i>trick</i> gaya bebas dengan bahagian bawah badan adalah satu kelebihan.</li> <li>iv. Orang atau peralatan lain boleh digunakan sebagai halangan untuk menyelesaikan <i>skill</i> tersebut.</li> <li>v. <i>Skill</i> ini mesti dilengkapkan dengan salah satu daripada langkah penamat di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Hantaran bola</li> <li>2. Merentasi halangan atau orang</li> <li>3. Untuk menjaringkan gol atau mencapai sasaran.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li><b>c. Merembat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketepatan rembatan ke arah gol futsal atau sasaran.</li> <li>ii. Kesukaran, teknik dan kreativiti rembatan yang dilakukan akan menjadi kriteria penilaian.</li> <li>iii. Orang atau peralatan lain boleh digunakan sebagai halangan untuk menyelesaikan <i>skill</i> tersebut.</li> <li>iv. <i>Skill</i> ini mesti dilengkapkan dengan salah satu daripada langkah penamat di bawah:</li> </ul> </li> </ul>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hantaran bola</li> <li>2. Merentasi halangan atau orang</li> <li>3. Untuk menjaringkan gol atau mencapai sasaran.</li> </ol>
<b>Tarikh Akhir Penyertaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pertandingan akan bermula dari 19 Julai 2021 hingga 1 September 2021.</li> <li>b. Pendaftaran dalam talian di RaceXAsia adalah diperlukan sebelum membuat penyerahan video.</li> <li>c. Penyertaan akan dianggap tidak sah sekiranya pendaftaran dalam talian tidak dilakukan.</li> <li>d. Sebarang penyertaan yang diterima sebelum Pertandingan bermula atau selepas Pertandingan ditutup adalah tidak sah dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai Pertandingan ini.</li> <li>e. Bukti penyerahan pendaftaran adalah bukan bukti penerimaan dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan / kehilangan / kerosakan dan/atau tidak menerima sebarang penyerahan.</li> <li>f. Penyertaan dalam Pertandingan ini akan dianggap sebagai penerimaan bagi semua terma dan syarat.</li> </ol>
<b>Perincian Pengadilan</b>	<p>Setiap peserta akan dinilai berdasarkan parameter berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Pandangan Umum</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penampilan</li> <li>- Semangat</li> <li>- Bahasa badan</li> </ul> </li> <li><b>2. Organisasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kecekapan</li> <li>- Peralatan</li> <li>- Interaksi</li> </ul> </li> <li><b>3. Taktikal &amp; Teknikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengimbangan</li> <li>- Kreatif</li> <li>- Bahagian atas &amp; bahagian bawah badan</li> </ul> </li> <li><b>4. Penamat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea</li> <li>- Persediaan, Kesukaran &amp; Ketepatan</li> </ul> </li> </ol> <p>Video Pertandingan perlu diserahkan dalam tempoh Pertandingan agar penyertaan adalah sah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Penyertaan Pertandingan akan dinilai oleh juri profesional dan/atau jurulatih yang disahkan &amp; atlet berpengalaman dan/atau freestyler. Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Penganjur.</li> <li>b. Jika Peserta tidak memenuhi syarat kelayakan atau tidak layak menyertai, Peserta tersebut tidak berhak untuk diadili sebagai pemenang dan tidak berhak menerima hadiah dalam keadaan apa pun.</li> <li>c. Keputusan kami mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Pertandingan ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.</li> </ol>
<b>Hadiah-hadiah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hadiah Pertandingan bagi MILO® All Star Challenge akan dinyatakan di laman web atau saluran media sosial kami.</li> <li>b. 8 orang teratas dari setiap kategori akan dipilih untuk acara Grand Finale pada 10 Oktober 2021</li> </ol>

	<p>c. Semua peserta Grand Final akan diberitahu keputusan melalui e-mel (jika alamat diminta/disediakan) atau melalui pesanan langsung di media sosial.</p> <p>d. Keputusan Pertandingan akan diumumkan melalui laman media sosial Penganjur pada 11 September 2021. Pengumuman tersebut mungkin merangkumi nama dan gambar, bandar atau wilayah tempat kediaman setiap Peserta Grand Final.</p> <p>e. Setelah keputusan diumumkan, pemenang Grand Final yang layak akan dihubungi selama 2 hari bekerja. Jika pemenang gagal dihubungi dalam tempoh tersebut atau gagal memenuhi mana-mana syarat kelayakan atau tidak dapat mematuhi terma dan syarat Pertandingan, kami berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta tersebut dan menawarkan slot yang berikutnya kepada Peserta yang layak dan juga sehingga slot tersebut diambil.</p>										
<b>Grand Finale</b>	<p><b>MAKLUMAT UMUM</b></p> <p>a. Penganjur akan menghubungi Peserta Grand Final yang berkelayakan dalam acara Grand Finale setelah tamat pusingan awal. Disebabkan ketidakpastian terhadap sebarang perintah kawalan pergerakan semasa pandemik Covid-19, Penganjur akan memutuskan cara dan format Grand Finale yang akan dilakukan, dengan mempertimbangkan kesihatan dan keselamatan semua pihak dan pematuhan terhadap semua perintah kawalan pergerakan oleh kerajaan.</p> <p>b. Jika perlu ke lokasi bagi acara Grand Finale, pihak Penganjur akan menyediakan kepada semua peserta seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Elaun Pengangkutan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• RM200 untuk Semenanjung Malaysia</li> <li>• RM500 untuk Sabah &amp; Sarawak</li> </ul> </li> <li>ii. Penginapan 1 malam di hotel terpilih oleh Penganjur [maksimum 2 orang] (jika melibatkan perjalanan dari luar negeri).</li> <li>iii. Peserta dibawah 18 tahun perlu membawa ibu bapa/penjaga ke acara ini.</li> </ul> <p>c. Peserta Grand Final akan menerima 1 set jersi rasmi acara Grand Final.</p> <p><b>PERTANDINGAN</b></p> <p>d. Setiap Peserta perlu menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 2 set koreografi gaya bebas (maksimum 3 minit setiap satu)</li> <li>ii. 2 set fail muzik untuk menemai koreografi gaya bebas tersebut (maksimum 3 minit setiap satu).</li> </ul> <p>e. Setiap Peserta perlu melengkapkan 2 cabaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 3 cabaran kemahiran yang berbeza</li> <li>ii. Set gaya bebas (maksimum 3 minit setiap satu)</li> <li>iii. 2 orang Peserta teratas perlu melakukan tambahan set gaya bebas.</li> </ul> <p>f. Skor dari hari Sabtu dan Ahad akan ditambahkan untuk menentukan 4 orang pemenang teratas dari setiap kategori.</p> <p>g. 2 orang pemenang teratas harus bertanding untuk merebut gelaran All Star Challenge.</p> <p>h. Keputusan kami mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Pertandingan ini adalah muktamad dan sebarang surat-menjurat tidak akan dilayan.</p>										
<b>Hadiah Wang Tunai Grand Finale</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Prize</th> <th>Tempat Pertama</th> <th>Tempat Kedua</th> <th>Tempat Ketiga</th> <th>Tempat Keempat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ultimate Experience bersama FAM</td> <td>Ya</td> <td>Ya</td> <td>Ya</td> <td>Ya</td> </tr> </tbody> </table>	Prize	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga	Tempat Keempat	Ultimate Experience bersama FAM	Ya	Ya	Ya	Ya
Prize	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga	Tempat Keempat							
Ultimate Experience bersama FAM	Ya	Ya	Ya	Ya							

	Hadiah Wang Tunai	RM 5,000	RM 3,000	RM 1,000	RM 1,000	
	Hadiah Lain	Playstation 5	Nintendo Switch	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	
	Trofi	Ya	Ya	Ya	Ya	
	E-Voucher*	RM 100 E-Voucher	RM 100 E-Voucher	RM 100 E-Voucher	RM 100 E-Voucher	

**B. Syarat-syarat Penyertaan****1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Pertandingan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Pertandingan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Pertandingan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Pertandingan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

**2. Penyertaan Pertandingan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Pertandingan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Pertandingan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

**3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Pertandingan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Pertandingan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

**4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Pertandingan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Pertandingan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

**5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Pertandingan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Pertandingan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

**6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Pertandingan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Pertandingan mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

**8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Pertandingan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

**9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Pertandingan,

penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Pertandingan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

**10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Pertandingan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Pengajur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Pertandingan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

**11. Am**

- 11.1 Pengajur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Pertandingan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Pertandingan) berhubung dengan Pertandingan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Pertandingan ini dan Pengajur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Pengajur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pengajur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengajur.
- 11.4 Ketidaksahanan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguasaan mana-mana Terma dan Syarat Pertandingan ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Pertandingan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Pertandingan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

**12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Pengajur berdasarkan Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privay\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privay_notice).
- 12.2 By participating in the e, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organiser in accordance with the Privacy Notice in [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).